

Teruskan BR1M, bantu golongan miskin

um 10/10

KUALA LUMPUR 9 Okt.- Pembelian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bukan sahaja perlu diteruskan dalam Bajet 2017 malah jumlahnya wajar ditingkatkan kerana langkah tersebut terbukti dapat merangsang ekonomi negara dengan pantas dan berkesan.

Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), **Prof. Dr. Shazali Abu Mansor** berkata, jika bantuan seperti penguangan cukai diberikan kepada golongan berpendapatan tinggi, duit simpanan mereka mungkin dibelanjakan dengan membeli barangan import atau melancong ke luar negara.

Oleh itu katanya, BR1M merupakan mekanisme terbaik bagi meningkatkan perbelanjaan dalam negara kerana pelbagai pihak akan menerima manfaat daripadanya terutama peniaga selain memenuhi matlamat asal iaitu membantu golongan berpendapatan rendah.

"Selain BR1M, kerajaan juga disaran memberi tumpuan kepada pengagihan bantuan untuk golongan yang merangsang ekonomi negara seperti penjawat awam, kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan golongan belia dalam Bajet 2017."

"Pada masa sama, kerajaan juga perlu mengambil kira untuk membuat penanguhan atau pengurangan perbelanjaan terhadap projek mega dan sektor tidak kritikal ekoran kelembapan ekonomi dunia," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas bajet 2017 yang akan dibentang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 21 Oktober ini terutamanya ketika negara berhadapan ekonomi negara yang tidak menentu dan mencabar.

Sementara itu, Pensyarah



SHAZALI ABU MANSOR



BAAYAH BABA



MOHD. ALI HASSAN

Selain BR1M, kerajaan juga disaran memberi tumpuan kepada pengagihan bantuan untuk golongan yang merangsang ekonomi negara seperti penjawat awam, kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan golongan belia dalam Bajet 2017."

DR. SHAZALI ABU MANSOR
Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak

Kanan Fakulti Pengurusan Perniagaan Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Dr. Baayah Baba** berkata, dalam usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau, sektor pendidikan merupakan salah satu sektor kritikal yang perlu diberi perhatian.

"Kekal dan tambah pembiayaan untuk menyambung pelajaran seperti program MyBrain15 dan lain-lain pembiayaan pendidikan bagi memastikan akses

rakyat terhadap pendidikan lebih meluas. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) juga harus diperkasakan kerana tabung ini adalah sumber utama modal insan negara mendapatkan pendidikan tinggi.

"Selain itu, kerajaan juga harus mencari cara untuk membantu golongan B40 menjana pendapatan dalam bidang lain seperti perniagaan *online* dan sebagainya," katanya.

Dalam pada itu, Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), **Prof. Madya Datuk Dr. Mohd. Ali Hassan** berkata, beliau berharap peruntukan dalam bidang pendidikan tidak dikurangkan sebaliknya ditambah dalam bajet akan datang.

"Peruntukan seperti bantuan persekolahan serta baucar buku harus dikekalkan dan saya syorkan untuk wujudkan peruntukan khas bagi Skim Bimbingan Khas Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Wujudkan juga peruntukan Perbaikan, Keselamatan dan Bursari Pelajar Miskin Luar Bandar.

"Untuk guru pula kerajaan disaran mewujudkan skim cuti sabatikal supaya para guru dapat meningkatkan kemahiran masing-masing dalam tempoh cuti itu. Beri juga peruntukan khas perumahan penjawat awam khususnya kepada golongan guru," katanya.